



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN SARAAN
ARAS 5 & 6, BLOK A, BANGUNAN MKN-EMBASSY TECHZONE
NO. 3200, JALAN TEKNOKRAT 2
63000 CYBERJAYA, SEPANG
SELANGOR DARUL EHSAN
Tel. : 03-83164000
Faks. : 03-83201984/03-83201981
03-83201980/03-83201979/03-83201985
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Pemenang
Anugerah Perdana
Teknologi
Maklumat 2006

Ruj Kami : JPA(S)187/20 Klt.7(39)

Tarikh : 30 November 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan,

**PEMANJANGAN KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN
KEPADА PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERKHIDMAT DI
LUAR NEGARA**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju memanjangkan kemudahan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berkhidmat di luar negara. Kemudahan ini dinamakan Kemudahan Perlindungan Insurans Kesihatan Kepada Pegawai Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Berkhidmat Di Luar Negara Yang Berada Di Negara Ketiga Atas Urusan Persendirian. Negara ketiga merujuk kepada negara selain daripada negara di mana pegawai ditempatkan berkhidmat dan Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, bagi melaksanakan kemudahan ini dengan teratur, dikemukakan Garis Panduan Kemudahan Perlindungan Insurans Kesihatan Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Berkhidmat Di Luar Negara seperti di **Lampiran** untuk makluman dan rujukan YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan selanjutnya.


4. Pemanjangan kemudahan ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, surat edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(DATO' BASARUDDIN BIN SADALI)
Pengarah Bahagian Saraan
b p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

03-83164001
basari@ppa.gov.my

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**GARIS PANDUAN KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN
KEPADА PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERKHIDMAT
DI LUAR NEGARA YANG BERADA DI NEGARA KETIGA ATAS
URUSAN PERSENDIRIAN**

TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan kemudahan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berkhidmat di luar negara yang berada di negara ketiga atas urusan persendirian.

TAFSIRAN

2. Bagi tujuan garis panduan ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

- a. "negara ketiga" bermakna negara selain daripada negara di mana pegawai ditempatkan berkhidmat dan Malaysia; dan
- b. "pegawai" merujuk kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang ditempatkan berkhidmat di luar negara.

LATAR BELAKANG

3. Selaras dengan hasrat mengutamakan kebajikan pegawai Perkhidmatan Awam, Kerajaan bersetuju memanjangkan kemudahan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berkhidmat di luar negara yang berada di negara ketiga atas urusan persendirian.

PEGAWAI YANG LAYAK

4. Pegawai yang layak adalah pegawai yang dilantik secara tetap, sementara dan kontrak.

PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN

5. Perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berkhidmat di luar negara yang berada di negara ketiga atas urusan persendirian adalah seperti berikut:

- a. terhad kepada diri pegawai sahaja;
- b. meliputi perbelanjaan perubatan, hospital dan rawatan;

LAMPIRAN

- c. had amaun perlindungan insurans kesihatan adalah seperti yang dinyatakan di dalam polisi insurans yang dikemukakan oleh syarikat penanggung insurans kesihatan;
- d. sekiranya kos rawatan sebenar melebihi daripada had amaun perlindungan yang ditetapkan oleh syarikat penanggung insurans kesihatan, perbezaan kos akan ditanggung oleh Kerajaan tertakluk kepada kelulusan Perbendaharaan Malaysia;
- e. Kementerian/ Jabatan/ Agensi akan membayar premium kepada syarikat penanggung insurans; dan
- f. kos rawatan yang dilindungi oleh insurans kesihatan yang ditanggung oleh Kerajaan adalah **terhad kepada sekali dalam setiap tahun kalender** dan tempoh perlindungan tidak melebihi 31 hari mulai tarikh rawatan

PELAKSANAAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN

6. Kaedah pelaksanaan kemudahan perlindungan insurans kesihatan untuk pegawai yang berkhidmat di luar negara yang berada di negara ketiga atas urusan persendirian adalah seperti berikut:

a) Tanggungjawab pegawai

Pegawai hendaklah:

- i. mendapatkan kelulusan daripada Ketua Jabatan/ Ketua Perwakilan untuk ke negara ketiga atas urusan persendirian dan kemudahan perlindungan insurans kesihatan dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran A**;
- ii. memastikan telah menerima kad insurans/ sijil/ nombor rujukan polisi perlindungan insurans kesihatan sebelum memulakan perjalanan ke negara ketiga;
- iii. memaklumkan perubahan tarikh/ negara atau pembatalan berkhidmat di luar negara kepada syarikat penanggung insurans kesihatan dan Ketua Jabatan/ Ketua Perwakilan sebelum tarikh perubahan dengan menggunakan borang di **Lampiran B**;
- iv. menanggung sendiri bayaran premium insurans kesihatan yang dikenakan sekiranya pegawai tidak menepati mana-mana peraturan dalam surat edaran ini; dan
- v. mendapat kelulusan daripada Perbendaharaan Malaysia mengenai perbezaan kos seperti yang dinyatakan di perenggan 5 (d) Garis Panduan ini.

b) Tanggungjawab Ketua Jabatan/ Ketua Perwakilan

Ketua Jabatan/ Ketua Perwakilan hendaklah:

- i. mengemukakan borang seperti di **Lampiran A** kepada syarikat penanggung insurans kesihatan;
- ii. mengemukakan satu salinan borang berkenaan kepada kementerian masing-masing di dalam negara yang akan menguruskan soal pembayaran;
- iii. menyemak tuntutan premium insurans kesihatan yang dikemukakan oleh syarikat penanggung insurans kesihatan;
- iv. membuat bayaran mengikut kadar sebenar premium insurans kesihatan yang berkaitan;
- v. Kementerian/ Jabatan/ Agensi akan mengutip balik bayaran premium insurans kesihatan yang telah dibayar kepada syarikat penanggung insurans daripada pegawai yang tidak menepati mana-mana peraturan dalam surat edaran ini; dan
- vi. mendapat kelulusan daripada Perbendaharaan Malaysia mengenai perbezaan kos seperti yang dinyatakan di perenggan 5 (d) Garis Panduan ini dan membayar kepada pihak yang menuntut.

c) Tanggungjawab Syarikat Penanggung Insurans

Syarikat penanggung insurans hendaklah:

- i. mengemukakan tuntutan bayaran premium insurans kesihatan kepada Kementerian/ Jabatan/ Agensi masing-masing yang berkenaan; dan
- ii. segera mengeluarkan sijil insurans kesihatan yang mengesahkan bahawa pegawai berkenaan telah mempunyai perlindungan insurans dan memaklumkan nombor rujukan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai sama ada melalui emel, faks, mel biasa, sms atau telefon.

7. Carta Aliran Pelaksanaan Kemudahan Perlindungan Insurans Kesihatan Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Berkhidmat Di Luar Negara Yang Berada Di Negara Ketiga Atas Urusan Persendirian adalah seperti di **Lampiran C**.

LAMPIRAN

SYARIKAT PENANGGUNG INSURANS YANG DILANTIK OLEH KERAJAAN

8. Syarikat penanggung insurans yang dilantik oleh Kerajaan adalah seperti yang dinyatakan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2009 dan pindaannya dari masa ke semasa.

TARIKH KUAT KUASA

9. Peraturan ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh garis panduan ini dikeluarkan.

**BORANG PERMOHONAN KE NEGARA KETIGA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN
DAN KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN**

1. Butir Diri Pegawai

(i) Nama Pegawai:	<input type="text"/>	(ii) Jawatan:	<input type="text"/>
(iii) No. Kad Pengenalan:	<input type="text"/>	(iv) No.Pasport Antarabangsa:	<input type="text"/>
(v) Alamat Jabatan dan No. Telefon:		(vi) Alamat Rumah dan No. Telefon:	
<input type="text"/>		<input type="text"/>	
(vii) Emel:		<input type="text"/>	

2. Butir Lawatan

(i) Negara dilawati:	<input type="text"/>	(ii) Tujuan lawatan:	<input type="text"/>
(iii) Tarikh lawatan daripada: <input type="text"/> (tarikh bertolak dr. neg. peg. berkhidmat) hingga <input type="text"/> (tarikh tiba di neg. peg. berkhidmat)			
(iv) Jumlah hari lawatan: <input type="text"/> hari			

3. Permohonan Pegawai

Saya mengaku bahawa maklumat di 1 dan 2 di atas adalah benar dan memohon kelulusan untuk ke negara ketiga atas urusan persendirian

Tandatangan

Nama penuh

Tarikh**4. Keputusan Ketua Jabatan/ Ketua Perwakilan**

Permohonan ke negara ketiga diluluskan/ tidak diluluskan.

Tandatangan

Nama penuh

Tarikh**5. Permohonan Kemudahan Perlindungan Insurans Kesihatan (jika pegawai belum menggunakan kemudahan perlindungan insurans kesihatan dalam tahun ini)**

Saya ingin memohon kemudahan perlindungan insurans kesihatan. Maklumat berkaitan permohonan perlindungan insurans adalah seperti berikut:

(a) Butir Diri Waris

(i) Nama Waris:	<input type="text"/>	(iv) Alamat Rumah dan No. Telefon:	<input type="text"/>
(ii) No. Kad Pengenalan:	<input type="text"/>		
(iii) Hubungan dengan pegawai:	<input type="text"/>	<input type="text"/>	

(b) Sila kemukakan tuntutan bayaran premium insurans kesihatan kepada alamat di bawah:

BORANG PERUBAHAN TARIKH/NEGARA ATAU PEMBATALAN PERMOHONAN/POLISI PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERKHIDMAT DI LUAR NEGARA YANG BERADA DI NEGARA KETIGA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN

Sila isikan perenggan 2 jika mengubah tarikh/negara atau perenggan 3 jika membatalkan urusan ke negara ketiga

1. Butir Diri Pegawai

(i) Nama Pegawai:

(ii) No. Kad Pengenalan Pegawai:

(iii) Alamat Jabatan dan No. Telefon:

2. Perubahan Tarikh/Negara

a. Butir Lawatan Lama

(i) Negara dilawati:

(ii) Tarikh lawatan daripada: (tarikh bertolak dari negara pegawai sedang berkhidmat) hingga

(tarikh tiba di negara pegawai sedang berkhidmat)

(iii) Jumlah hari lawatan: hari

b. Butir Lawatan Baru

(i) Negara dilawati:

(ii) Tarikh lawatan daripada: (tarikh bertolak dari negara pegawai sedang berkhidmat) hingga

(tarikh tiba di negara pegawai sedang berkhidmat)

(iii) Jumlah hari lawatan: hari

Saya mengaku bahawa maklumat di 1 dan 2 di atas adalah benar.

Tarikh Nama penuh Tandatangan

3. Pembatalan Permohonan/Polisi Perlindungan Insurans Kesihatan (Sila tandakan ✓ di mana berkenaan)

Saya ingin membatalkan:

- (i) permohonan perlindungan insurans kesihatan (sekiranya polisi belum dikeluarkan); atau
- (ii) polisi perlindungan insurans kesihatan. No. sijil _____

Tarikh Nama penuh Tandatangan

**CARTA ALIRAN PELAKSANAAN KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS
KESIHATAN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG
BERKHIDMAT DI LUAR NEGARA YANG BERADA DI NEGARA
KETIGA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN**

